

Bekalan ayam dan daging 16/6/16 cukup HM

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi jaminan bekalan bahan mentah seperti ayam dan daging di seluruh negara mencukupi menjelang Aidilfitri ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Kamarudin Md Isa berkata, fenomena El Nino yang melanda negara baru-baru ini tidak menjejaskan pengeluaran ayam seperti yang dilaporkan sesetengah pihak sebelum ini.

“Kita sentiasa memastikan pengeluar kedua bahan mentah ini menyediakan bekalan mencukupi bagi memenuhi permintaan dan menampung keperluan pengguna terutama sepanjang musim perayaan ini.

“Keadaan cuaca panas yang melanda negara sebelum ini tidak menjejaskan pengeluaran ayam seperti yang didakwa sesetengah pihak,” katanya ketika ditemui pada sidang media di sini, semalam.